

Headline	Pelanggan TNB nikmati 2.5 peratus faedah bagi deposit		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	13 Jan 2020	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	EKONOMI	Page No	28
ArticleSize	104 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 1,857		



Pelanggan TNB nikmati 2.5 peratus faedah bagi deposit

KUALA LUMPUR: Pelanggan Tenaga Nasional Bhd (TNB) akan menikmati 2.5 peratus faedah setahun (juga dikenali sebagai rebat) bagi deposit jaminan elektrik mereka, yang akan dikreditkan ke dalam bil bulan Januari.

TNB dalam satu kenyataan

semalam berkata, dengan faedah tahunan, seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990, deposit jaminan pelanggan TNB akan meningkat dari semasa ke semasa kerana faedah dikira berdasarkan kepada baki terkumpul deposit.

"Bagaimanapun, rebat itu hanya diberikan kepada deposit yang dibayar secara tunai. Pelanggan yang depositnya melebihi RM2,000 mempunyai pilihan untuk membayar deposit sama ada secara tunai atau jaminan bank," kata syarikat utiliti nasional itu.